

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHH 351 - Pergerakan Protes Di Tanah Melayu,  
Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19  
dan Awal Abad Ke-20

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  
2. Jawab **EMPAT** soalan semuanya. Jawab **SATU** soalan daripada Bahagian A, **SATU** soalan daripada Bahagian B, **SATU** soalan daripada Bahagian C, dan soalan **KEEMPAT** boleh dipilih daripada mana-mana bahagian.

... 2/-

**BAHAGIAN A**

1. Bahaskan tindakan-tindakan protes golongan elit tradisional Melayu sehingga pertengahan abad ke-19.  
(100 markah)
2. Mengapakah J.W.W. Birch tidak mempedulikan protes awal para pembesar Perak dan membiarkan dirinya menjadi sasaran penentangan?  
(100 markah)
3. "Ikatan agama menjadi salah satu faktor pemersatu tetapi, kecuali idea perang sabil yang sebenarnya adalah sumbangan yang lazim dan spontan daripada suatu masyarakat tradisi yang menganut agama Islam, tidaklah dapat dibuktikan unsur-unsur gerakan Islam yang kuat seperti Pan-Islamisme." (Jang Aisjah Muttalib). Bersetujukah anda?  
(100 markah)

**BAHAGIAN B**

4. Analisiskan unsur-unsur penentangan popular di kalangan petani di Pasir Puteh pada T.M. 1915.  
(100 markah)
5. Berdasarkan Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah, jelaskan persamaan dan perzedaan isu-isu protes yang dicanangkan.  
(100 markah)

BAHAGIAN C

6. "Islam rasmi bertindak balas dengan menggunakan hujah dan dengan menggunakan kuasa secara langsung". (W.R. Roff). Berdasarkan pernyataan ini,uraikan cara-cara dan bentuk-bentuk tindak balas ulama tradisional Melayu terhadap protes kaum Muda dan kesannya.

(100 markah)

7. SAMA ADA

- (a) Sejauh manakah kongsi gelap dapat dianggap alat protes di kalangan masyarakat China pada kurun ke-19 di Tanah Melayu?

(100 markah)

ATAU

- (b) Pada tahun-tahun 1929-33 berlaku kemelesetan ekonomi dunia. Dengan meneliti keadaan kaum buruh lombong China di Perak, jelaskan bagaimanakah mereka menghadapi keadaan ini.

(100 markah)

ooooOooo

